

Pengaruh Kecerdasan Emosi ke atas Tingkah Laku Politik Mahasiswa Belia melalui Modul Pengajaran dan Pembelajaran

Siti Sarawati Johar^{1*}, Khairul Azman Mohamad Suhaimy¹,
Harliana Halim¹, Fauziah Ani¹, Ku Hasnan Ku Halim¹,
Muhaymin Hakim Abdullah¹, Adibah Nazliyah Saleh¹

¹Faculty of Technical and Vocational Education,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, 86400, MALAYSIA

*Corresponding Author Designation

DOI: <https://doi.org/10.30880/ritvet.2022.02.01.008>

Received 23 November 2021; Accepted 21 December 2021; Available online 30 March 2022

Abstract: The issue of the study is focused on the influence of emotional intelligence on the political behavior of youth students. The specific purpose of this study was to test the effect of emotional intelligence competence on political behavior constructs among youth students in universities, by looking at differences of findings in treatment group and control group through the application of emotional intelligence module. A total of 295 people among university youth students were selected as respondents from four Public Universities in Malaysia. The measurement tools used were the Emotional Intelligence Self-Description Inventory (EISDI), and the Political Behavior Questionnaire (PBQ). In this study, T-Test analysis and ANOVA test were used to determine the differences between the two treatment and control groups. The findings of the study showed that there was a significant effect in the post -test for the treatment group because of the differences before and after treatment. Yet the findings from the control group showed no significant value. In summary, the results of the study showed that the treatment group had a change effect on the perception of political behavior with the implementation of emotional intelligence competencies in teaching and learning modules.

Keywords: Emotional Intelligence, Political, Behaviour, Modules

Abstrak: Isu kajian adalah tertumpu kepada pengaruh kecerdasan emosi ke atas tingkah laku politik mahasiswa belia. Tujuan khusus kajian ini adalah untuk menguji kesan kompetensi kecerdasan emosi ke atas konstruk tingkah laku politik dalam kalangan mahasiswa belia di universiti, dengan melihat perbezaan dapatan dalam kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan melalui aplikasi modul kecerdasan emosi. Seramai 295 orang dalam kalangan mahasiswa belia universiti telah dipilih menjadi responden daripada empat buah Universiti Awam di Malaysia. Alat pengukuran yang digunakan adalah soal selidik *Emotional Intelligence Self-Description Inventory* (EISDI), dan *Political Behaviour Questionnaire* (PBQ). Dalam kajian ini, analisis

Ujian-T dan ujian ANOVA digunakan untuk menentukan perbezaan antara kedua-dua kumpulan rawatan dan kawalan. Dapatan kajian menunjukkan terdapat kesan yang signifikan dalam ujian pasca bagi kumpulan rawatan kerana berlaku perbezaan sebelum dan selepas rawatan. Namun dapatan daripada kumpulan kawalan menunjukkan tiada nilai yang signifikan. Ringkasnya, hasil kajian menunjukkan kumpulan rawatan mempunyai kesan perubahan terhadap persepsi tingkah laku politik dengan adanya implementasi kompetensi kecerdasan emosi dalam modul pengajaran dan pembelajaran.

Kata Kunci: Kecerdasan Emosi, Tingkah laku, Politik, Modul

1. Pengenalan

Golongan belia berperanan besar dalam pembangunan progresif negara dari pelbagai aspek iaitu aspek pendidikan, pembangunan sehinggalah kepada perjuangan mempertahankan kedaulatan negara. Pengaruh besar golongan belia dalam aspek perjuangan ini dapat dilihat ketika negara belum merdeka lagi. Kekuatan golongan belia yang bermotivasi dan bermatlamat mampu meniupkan beberapa aliran pemikiran dan tingkah laku berpolitik bagi membangunkan sesebuah negara secara fizikal mahupun mental. Justeru itu menunjukkan kepimpinan sesebuah bangsa turut terletak kepada pendidikan intelek daripada cetusan yang berfalsafah dengan dipimpin oleh kecerdasan dalam emosi. Pembentukan negara melalui proses undian bertitik tolak daripada fahaman dan pemikiran masyarakat yang turut sangat dominan dengan pengaruh gelombang pemikiran golongan belia. Malah kini kita melihat pelbagai aliran ideologi telah mempengaruhi tatacara berfikir dan mewarnai cara bertindak golongan belia dalam urusan pembinaan negara (Ismail, 2017).

Namun terdapat juga golongan belia yang didapati beralih kepada pendekatan yang lebih radikal dan agresif sehingga ke tahap yang membimbangkan ekoran dari rasa yang mendalam untuk menterjemahkan ketidakpuasan hati terhadap sistem negara. Penyelidikan bagi mengukur tingkah laku politik wajar dilaksanakan bagi melihat hubungannya dengan tahap kecerdasan emosi khususnya dalam kalangan belia. Dengan itu, usaha menjalankan kajian ini merupakan salah satu medium dalam usaha 'mendewasakan' jati diri rakyat di Malaysia.

1.1 Latar Belakang Kajian

Peranan mahasiswa sebagai belia di universiti awam (UA) sangat signifikan dengan pembangunan progresif negara. Termaktub dalam sejarah tentang realiti perjuangan belia dari aliran pendidikan dalam usaha menuntut kemerdekaan negara malahan hingga zaman ini, belia adalah golongan baris hadapan yang sangat diperlukan untuk menjadi pemimpin yang boleh membawa negara ke arah yang lebih bermartabat sebagai kelangsungan tamadun yang gemilang (Mohd. Fuad et al., 2012). Pengundi belia mempunyai persepsi tersendiri terhadap kepimpinan negara (Junaidi et al., 2012). Hal ini dapat dilihat melalui pelbagai gerakan belia melalui media cetak, media baru serta luahan terbuka melalui demonstrasi terbuka (Nasaruddin, 2018). Walau bagaimanapun, mahasiswa belia kini dikesan mula beralih arah kepada pendekatan agresif dan radikal, sehingga sampai ke tahap membimbangkan dalam isu melibatkan soal politik negara (Siti Sarawati et. al, 2018).

Sehubungan itu, dicadangkan suatu mekanisme yang praktikal bagi membantu menilai mahasiswa belia mengaplikasikan kompetensi kecerdasan emosi dalam tingkah laku politik. Hubungan antara pemboleh ubah itu diharapkan dapat memberikan pencerahan tentang kepentingan belia untuk berpolitik dengan lebih matang dan rasional. Keadaan itu juga dapat mengetengahkan fungsi kecerdasan emosi yang positif agar tingkah laku menjadi lebih dominan ke arah perdamaian. Oleh itu, usaha kajian ini membolehkan penyelidik menerapkan kemahiran kecerdasan emosi dalam pengajaran dan pembelajaran kursus Kenegaraan Malaysia iaitu kursus wajib bagi pelajar ijazah sarjana muda. Usaha ini diharapkan dapat membantu membentuk suasana politik yang lebih terfokus, matang dan rasional

bagi mengukuhkan nilai kesejahteraan yang berterusan dalam mencapai kelangsungan hidup aman dan damai, disertai dengan kepelbagaian kepercayaan dan kaum di Malaysia.

1.2 Pernyataan Masalah

Golongan belia berperanan besar dalam pembangunan progresif negara dari pelbagai aspek iaitu aspek pendidikan, pembangunan sehinggalah kepada perjuangan mempertahankan kedaulatan negara. Pengaruh besar golongan belia dalam aspek perjuangan ini dapat dilihat ketika negara belum merdeka lagi. Kekuatan golongan belia yang bermotivasi dan bermatlamat mampu meniupkan beberapa aliran pemikiran dan tingkah laku berpolitik bagi membangunkan sesebuah negara secara fizikal mahupun mental. Justeru itu menunjukkan kepimpinan sesebuah bangsa turut terletak kepada pendidikan intelek daripada cetusan yang berfalsafah dengan dipimpin oleh kecerdasan dalam emosi. Pembentukan negara melalui proses undian bertitik tolak daripada fahaman dan pemikiran masyarakat yang turut sangat dominan dengan pengaruh gelombang pemikiran golongan belia. Malah kini kita melihat pelbagai aliran ideologi telah mempengaruhi tatacara berfikir dan mewarnai cara bertindak golongan belia dalam urusan pembinaan negara (Ismail, 2017).

Suatu yang tidak dapat dinafikan adalah gerakan politik mahasiswa boleh menggugat kesejahteraan sosial dan keselamatan jika tidak dihalakan dengan cara yang lebih signifikan untuk keamanan rakyat dan negara (Mohd Fuad et al., 2012). Kajian tentang kesedaran dan perlakuan politik dalam kalangan mahasiswa di 11 buah Universiti Awam di Malaysia (UA) pernah dijalankan oleh Mohd Fuad et. al (2012). Mahasiswa didapati lebih suka dan lebih kerap menghadiri ceramah politik di luar kampus yang berhaluan kiri. Keaktifan belia berpolitik untuk pilihan raya kebangsaan dapat dikesan melalui cara dan gaya mereka terlibat dalam berkempen, keghairahan menzahirkan sokongan serta agresifnya mereka dalam menggerakkan jentera parti politik. Trend pengundian belia dikatakan amat signifikan dalam membantu kemenangan sesebuah parti politik. Teh Fui Khim (2001) dalam kajiannya pula menjelaskan bahawa berlaku peningkatan salah laku belia dalam statistik yang menunjukkan mereka lemah dalam mengendalikan emosi dan keinginan hati ke arah yang lebih positif. Masyarakat turut tidak sunyi daripada sering membincangkan realiti sikap belia masa kini dalam menyuarakan pandangan tentang politik negara dengan cara berdemonstrasi, merusuh mahupun memaki hamun dalam laman sosial kerana dilihat itu sebagai suatu tindakan yang kurang matang (Siti Sarawati, 2018).

Kewujudan dunia tanpa sempadan melalui media elektronik dan media sosial masa kini semakin menyemarakkan tingkah laku dan ideologi politik mahasiswa. Parti politik memperluaskan pengaruh di kalangan mahasiswa belia melalui pelbagai medium internet dan media. Di sebalik pro terdapat unsur kontra kesan penggunaan internet melalui kebebasan media sosial yang tidak terkawal telah mempengaruhi tingkah laku dan ideologi politik belia UA untuk lebih agresif dalam menyuarakan permintaan dan harapan mereka, sehingga berani bertindak melanggar tatasusila hanya kerana marah dan protes terhadap kepimpinan negara. Kaedah politik kebencian bergerak menyelina di kalangan mahasiswa sehingga menyebarkan paradigma negatif dan menenggelamkan fakta serta realiti positif. Isu Adam Adli antaranya telah menjadi lipatan sejarah masa kini. Ketika masih bergelar mahasiswa UPSI, dia telah digantung pengajian akibat ditangkap di bawah seksyen 124, Akta Hasutan, di samping turut berani menurunkan bendera imej pemimpin negara serta terlalu berani mengibarkan bendera Sang Saka Malaya bagi tujuan menggantikan bendera Jalur Gemilang Malaysia (Siti Sarawati, 2012). Menyokong pihak lawan atau pembangkang seharusnya tidak perlu sehingga seagresif itu kerana ia boleh sahaja dilakukan dengan lebih bersistematik dan berhemah (Nurhidayah, 2019). Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) telah wujud di Malaysia sejak berpuluh tahun lamanya, namun masih ramai yang kabur tentang pengisian dan makna sebenar akta ini. Belia UA berdemonstrasi dan memprotes kerajaan dengan cara perhimpunan jalanan sedikit sebanyak mencemar imej negara di mata antarabangsa.

Penggeraknya mungkin relevan dengan pelbagai aspek, tetapi apa yang sangat mempengaruhi sosialisasi politik orang muda adalah terbentuk daripada naluri parti politik itu sendiri. Budaya

berpolitik dalam kebanyakan parti politik sekarang lebih banyak didominasi oleh sifat-sifat menghina, mengejek, memfitnah, adu domba, menuduh, dan membajai persepsi negatif tentang pihak lawan sehingga ke peringkat skeptikal dan prejudis (Nasaruddin, 2018). Budaya inilah yang menyekat minat anak muda untuk mendekati dan memahami apa yang sebenarnya diperlukan oleh politik tanahair. Golongan belia kelihatan lebih terbelenggu dengan idea politik kebencian yang semakin membara, dan banyak dipengaruhi oleh gaya ahli-ahli politik berpolitik masa kini sehingga mengabaikan norma yang harus dipatuhi (Nasaruddin, 2018).

Terdapat juga beberapa gaya politik tidak matang yang diamalkan dalam dunia politik di Malaysia dengan bertindak kurang etika, tidak mengamalkan tatacara politik dinamik, dan kurang celik dalam literasi politik (Ismail, 2017). Jika golongan belia agak terpinggir dalam soal-soal kepentingan negara, tidak mustahil golongan belia akan semakin bosan dan mereka menjauhkan diri dari sosialisasi politik (Ismail, 2017). Dikhuatiri bahawa polisi masa depan yang dirumuskan oleh kerajaan pada masa kini akan dilihat sebagai suatu entiti yang tidak mewakili kehendak penuh belia sehingga golongan belia menjadi lebih keliru serta hilang kepekaan, dan seterusnya membawa negara ke arah kegagalan dan kelembapan dalam semua aspek.

Di samping itu, kekaburan emosi dan fikiran kurang berjaya ditangani secara rasional atau positif apabila berhadapan dengan kemelut politik negara, sehingga diterjemahkan dalam bentuk perlakuan negatif yang bersikap defensif dan menentang kebanyakan dasar dalam negara. Senario merisikokan itu akan menyebabkan belia menjadi ahli masyarakat yang tidak bertanggungjawab kerana telah hilang adab dan budi bahasa. Oleh itu, perlu adanya transformasi dalam pengurusan dan pengendalian emosi agar masalah belia pada hari ini dapat diselesaikan dengan cara yang lebih berhemah, berhikmah dan berilmu. Atas rasional itu, kajian ini turut dilaksanakan bagi menyusuri kepentingan kecerdasan emosi dalam kalangan mahasiswa belia sebagai pemangkin modal insan negara.

1.3 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk menguji perbezaan yang signifikan antara kedua-dua kumpulan rawatan dan kawalan, dengan mengenal pasti kesan perubahan terhadap persepsi tingkah laku politik melalui konstruk Liberalisme, Konservatif dan Nasionalisme, setelah implementasi kompetensi kecerdasan emosi yang terdiri daripada domain Persepsi Emosi, Memudahkan Emosi, Memahami Emosi, dan Pengawalseliaan Emosi dalam modul pengajaran dan pembelajaran.

1.4 Persoalan Kajian

Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-dua kumpulan rawatan dan kawalan, dengan mengenal pasti kesan perubahan terhadap persepsi tingkah laku politik melalui konstruk Liberalisme, Konservatif dan Nasionalisme, setelah implementasi kompetensi kecerdasan emosi yang terdiri daripada domain Persepsi Emosi, Memudahkan Emosi, Memahami Emosi, dan Pengawalseliaan Emosi dalam modul pengajaran dan pembelajaran.

2. Metodologi

2.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif dengan reka bentuk kajian kuasi-eksperimental. Reka bentuk kuasi-eksperimental biasanya digunakan bagi menilai keberkesanan suatu program apabila responden kajian tidak dapat diagihkan secara rawak di samping ciri-ciri semula jadi responden menjadi keutamaan (Chua 2006). Dalam konteks reka bentuk ini terdapat dua kumpulan responden, satu sebagai kumpulan rawatan dan satu lagi kumpulan kawalan. Kumpulan-kumpulan ini diberi soal selidik sebanyak dua kali iaitu ketika pra-ujian dan pasca ujian. Kaedah ini dapat melihat perbezaan kumpulan yang menerima rawatan dan tidak menerima rawatan. Keperluan kajian ini juga adalah deskriptif dan

pengujian hipotesis. Pengujian hipotesis juga mempunyai pendekatan untuk tafsiran pembolehubah bebas dalam dua atau lebih faktor dalam keadaan tertentu (McIntyre, 2005).

2.2 Lokasi Kajian

Kajian dijalankan di empat buah Universiti Awam yang mewakili untuk keseluruhan universiti awam di Malaysia. Ia terbahagi kepada empat zon iaitu Zon Utara, Zon Selatan, Zon Timur dan Zon Barat. Kajian ini hanya memfokuskan Universiti Awam, dan ini bermakna lain-lain universiti yang ada seperti universiti swasta, kolej universiti dan kolej-kolej adalah tidak terlibat.

2.3 Persampelan Kajian

Kaedah persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Persampelan bertujuan dalam kajian ini digunakan untuk mendapatkan kumpulan responden yang mempunyai ciri-ciri tertentu mengikut kehendak penyelidik (Chua, 2006). Contohnya kajian ini adalah tertumpu kepada mahasiswa belia universiti yang mengambil kursus Kenegaraan Malaysia. Oleh itu, sampel begini bukanlah sampel rawak. Saiz sampel sebesar 100 ke 150 pula dirujuk sebagai satu saiz yang agak besar untuk mendapatkan taburan normal. Persampelan melibatkan beberapa buah universiti awam dan sampel seramai 295 orang responden iaitu mahasiswa belia. Pelajar tersebut adalah mahasiswa belia yang sedang mengikuti pengajian peringkat ijazah sarjana muda dalam lingkungan usia 19 hingga 25 tahun yang mengambil kursus Kenegaraan Malaysia. Kursus ini merupakan salah satu kursus yang wajib diambil di universiti terlibat, sebagai syarat pengijazahan untuk tamat pengajian.

2.4 Instrumen Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan kaedah kuantitatif. Oleh itu untuk mendapatkan data, soal selidik digunakan. Soal selidik *Questionnaire of Emotional Intelligence Self-Description Inventory* (EISDI; Groves et al., 2006) digunakan dalam kajian ini adalah untuk mengukur kompetensi kecerdasan emosi mahasiswa belia, yang terdiri daripada domain persepsi emosi, memudahkan emosi, memahami emosi, dan pengawalseliaan emosi. Kebolehpercayaan instrumen ini adalah .876. Manakala soal selidik *Political Behaviour Questionnaire* (PBQ; Siti Sarawati, 2017) pula adalah untuk mengukur tingkah laku politik mahasiswa belia, yang terdiri daripada konstruk liberalisme, konservatif dan nasionalisme. Kebolehpercayaan instrumen ini adalah .681. Kebolehpercayaan dua kaji selidik ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang agak tinggi dan boleh diyakini untuk digunakan bagi mendapatkan hasil kajian yang berkualiti. Kesahan konstruk dianalisis menggunakan analisis faktor Kaiser-Meyer-Oldin (KMO). Jumlah KMO untuk EISDI adalah .624, manakala KMO untuk PBQ adalah .681. Analisis faktor perlu dibuktikan oleh KMO yang lebih daripada 0.60. Untuk kajian ini, semua kajian ini mempunyai nilai KMO yang lebih daripada 0.60.

3. Analisis Kajian dan Perbincangan

Hasil dapatan ini dapat menjawab persoalan kajian dalam menentukan perbezaan antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan. Terdapat perbezaan yang signifikan dalam analisis yang dilakukan terhadap Ujian Pra bagi Kumpulan Rawatan dan Ujian Pasca bagi Kumpulan Rawatan. Manakala didapati tiada perbezaan yang signifikan dalam ujian pra dan pasca bagi kumpulan kawalan.

3.1 Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan

Jadual 1 menunjukkan keputusan ujian pra dan ujian pasca yang dijalankan ke atas semua kumpulan kawalan di empat buah universiti awam di Malaysia. Keputusan kajian adalah tidak signifikan ($t = -2.405$, $df = 294$, $Sig. = .017$). Ujian-T menunjukkan tidak wujudnya perbezaan yang signifikan dalam penilaian kecerdasan emosi dan persepsi tingkah laku politik sebelum dan selepas ujian bagi kumpulan kawalan. Dapatan ini membuktikan ujian pra dan pasca kumpulan kawalan yang tidak mengimplementasikan kompetensi kecerdasan emosi dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, telah

menunjukkan bahawa hasil ujian itu tiada sebarang kesan yang signifikan terhadap penilaian kecerdasan emosi serta persepsi tingkah laku politik dalam kalangan responden.

Jadual 1: Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan

	Nilai Perbandingan			T	Df	Sig 2
	Min	Sisihan Piawai	Min Ralat Piawai			
Ujian Pra-Ujian Pasca	-.06529	.46638	.02715	-2.405	294	.017

3.2 Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Rawatan

Jadual 2 pula menunjukkan keputusan ujian pra dan ujian pasca yang dijalankan ke atas semua kumpulan rawatan di empat buah universiti awam di Malaysia. Keputusan kajian adalah signifikan ($t = -5.104$, $df = 312$, $Sig. = .000$). Ujian-T menunjukkan wujudnya perbezaan yang signifikan dalam penilaian kecerdasan emosi dan persepsi tingkah laku politik sebelum dan selepas ujian rawatan dijalankan. Dapatan ini membuktikan bahawa rawatan eksperimental yang dijalankan dengan mengimplementasikan kompetensi kecerdasan emosi dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, telah memberikan kesan yang signifikan terhadap penilaian kecerdasan emosi dan persepsi tingkah laku politik dalam kalangan responden.

Jadual 2: Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Rawatan

	Nilai Perbandingan			T	Df	Sig 2
	Min	Sisihan Piawai	Min Ralat Piawai			
Ujian Pra-Ujian Pasca	-.13598	.47135	.02664	-5.104	312	.000

3.3 Perbincangan

Kajian ini dihasilkan bagi melihat perbezaan kesan dalam eksperimental aplikasi kompetensi kecerdasan emosi dalam modul pengajaran dan pembelajaran, terhadap penilaian kecerdasan emosi dan persepsi tingkah laku politik mahasiswa belia melalui dua kumpulan iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Kumpulan yang menunjukkan nilai perbezaan yang signifikan membuktikan wujudnya keberkesanan aplikasi kompetensi kecerdasan emosi dalam modul kerana dengan mendapat keputusan analisis perbezaan yang signifikan, sekaligus dapat menjawab persoalan kajian ini. Keberkesanan penggunaan modul yang mengandungi kompetensi kecerdasan emosi ditunjukkan melalui dapatan yang signifikan dalam kumpulan rawatan.

Manakala bagi kumpulan kawalan pula didapati tiada perbezaan yang signifikan, sekaligus membuktikan tiada perubahan kepada kumpulan yang tidak mempunyai sebarang rawatan modul. Implikasi kajian ini adalah untuk menonjolkan fungsi dan kepentingan kecerdasan emosi dalam kalangan mahasiswa universiti yang merupakan belia negara sebagai medium dalam membantu mereka menjadi lebih stabil dan rasional dalam beremosi, berfikir dan bertingkah laku. Kestabilan dan kelestarian diri akan membawa kepada tingkah laku positif sebagai titik bantu utama dalam mengelakkan terjadinya pelbagai konflik dan krisis, akibat terlalu ekstrim dalam berpolitik (Siti Sarawati, 2018). Kepentingan itu selaras seperti yang ditekan oleh Ismail (2017) tentang betapa pentingnya mewujudkan budaya berpolitik matang dan berhemah dalam kalangan golongan muda.

Setiap isu seharusnya boleh ditangani melalui rundingan yang lebih bijak. Malah tidak perlu mencetuskan polemik serta konflik yang berpanjangan melalui media massa dan spekulasi yang boleh menimbulkan persepsi kebencian untuk merosakkan senario damai negara disebabkan modus operandi dengan cara ‘membunuh’ personaliti dan karektor para pemimpin. Sebagai kesimpulan, kekuatan negara kita bukanlah tertumpu kepada dominasi alat perang yang canggih, dan juga bukan untuk menjadi negara yang suka berperang, akan tetapi kekuatan kita adalah dari segi emosi, minda dan tingkah laku positif bersama solidariti yang jitu dalam keharmonian bermasyarakat dan bernegara (Siti Sarawati, 2017). Pasti semua pihak boleh menyumbang bukan sahaja dari segi tenaga dan masa, malah turut menyumbang kepada kepakaran, pengetahuan dan pengaruh nilai-nilai positif yang sangat berhikmah yang dicontohi bersama. Inilah keutuhan sebenar pada kuasa negara dan rakyat yang merdeka, seterusnya berfokus dengan gigih membina kekuatan negara yang benar-benar berdaulat dalam momentum transformasi yang dinamik.

4. Kesimpulan

Kajian ini menyimpulkan bahawa modul pengajaran dan pembelajaran yang diterapkan dengan kompetensi kecerdasan emosi berupaya memberikan kesan ke atas persepsi tingkah laku politik mahasiswa belia dari tiga konstruk terdiri daripada Liberalisme, Konservatif dan Nasionalisme. Kumpulan rawatan telah mempelajari modul itu secara khusus dalam kursus universiti semasa proses penyelidikan dijalankan. Kompetensi kecerdasan emosi diibaratkan sebagai suatu seni pengurusan emosi didapati berupaya memberikan pengaruh kepada persepsi tingkah laku politik mahasiswa belia. Ilmu dan pengetahuan kompetensi kecerdasan emosi yang terdiri daripada domain Persepsi Emosi, Memudahkan Emosi, Memahami Emosi, dan Pengawalseliaan Emosi telah disentuh, digarap dan ditekankan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Kursus Kenegaraan Malaysia. Hasilnya, terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan kawalan dan rawatan dalam ujian dan eksperimental yang dijalankan. Justeru itu, dengan adanya perbezaan ini dapatlah disimpulkan bahawa terdapatnya kesan hasil daripada modul yang diterapkan dengan kompetensi kecerdasan emosi dalam pengajaran dan pembelajaran kursus Kenegaraan Malaysia terhadap mahasiswa belia sebagai responden bagi kumpulan rawatan. Menerusi hasil kajian ini juga, disarankan keperluan mengetengahkan mekanisme-mekanisme yang relevan, melalui implementasi kompetensi kecerdasan emosi dalam kalangan mahasiswa belia bagi mencapai tingkah laku berpolitik yang konsisten matang, rasional, autentik dan bertransformasi sejajar dengan kesesuaian tuntutan negara dan nilai murni norma sejagat

Penghargaan

Penyelidikan ini disokong sepenuhnya oleh geran FRGS dari Kementerian Pengajian Tinggi, melalui Pejabat Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersialan dan Perundingan Pengurusan (ORICC) menggunakan Vot. 1598, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Terima kasih juga kepada rakan-rakan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia yang banyak memberikan kerjasama, pandangan dan kepakaran yang sangat membantu sepanjang proses penyelidikan.

References

- Goleman, D. (1995). *Emotional intelligence : why it can matter more than IQ*. New York : Bantam Book.
- Goleman, D (1998). *Emotional intelligence*. New York: Bantam Books.
- Ismail Sualman (2017). Terapkan pendidikan politik matang. September 8, Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2017/09/322675/terapkan-pendidikan-politik-matang>
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Novel Lyndon, Khaidzir Hj. Ismail, Noor Aziah Hj. Mohd Awal, Jeniri Amir, Ahi Sarok, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali(2012a). Kriteria Pemilihan calon dan parti dalam Pilihan Raya Umum

- Dewan Undangan Negeri Sarawak. *Jurnal Geografi Online: Malaysia Journal of Society and Space*. 8 (4), 44-55.
- Kamus Dewan* (2002). Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed, M. N. (1992). *Pengantar psikologi: satu pengenalan asas kepada jiwa dan tingkah laku manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mayer, J. D., & Salovey, P. (1993). *What is emotional intelligence?* In P. Salovey, & D. Sluyter (Eds.).
- Mohamad Naquiddin Dahamat Azam, Mariani Mansor & Siti Nor Yaacob. (2012). Kecerdasan spiritual dan cara gaya kepemimpinan dalam kalangan pemimpin remaja di malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies Volume*. Jilid 7 ISSN 2180- 1649 Dec 2012.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Novel Lyndon & Viknesh Ramachandran (2012). Persepsi politik belia India di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*. 8 Issue 8 (1-11).
- Parzi, N. (2018). Politik tidak sihat 'bunuh' minat belia. Februari 20, Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/02/390411/politik-tidak-sihat-bunuh-minat-belia>
- Hairom, N. (2019). 'Kami tak mahu sembang kosong macam Adam Adli'. Disember 4, Sinar Harian Online. <https://www.sinarharian.com.my/article/60407/BERITA/Nasional/Kami-tak-mahu-sembang-kosong-macam-Adam-Adli>
- Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English* (2000). Oxford: Oxford University Press.
- Saha, L. J. & Print M (2010). Student school elections and political engagement: a cradle of democracy? *International Journal of Educational Research*. 49 (1), 22-32.
- Salovey, P & Mayer, J.D (1990). *Emotional intelligence*. imagination, cognition and personality. New York: Basic Books.
- Johar, S.S. (2011). Kecerdasan emosi pelajar luar bandar: harapan dan cabaran pendidikan dalam pembentukan modal insan (dalam modal insan: transformasi menjana kelestarian). Pahang: Universiti Malaysia Pahang.
- Johar, S. S. (2012). Kecerdasan emosi remaja luar bandar serantau Malaysia dan Indonesia: cabaran & harapan dalam pembentukan modal insan berjiwa kelas pertama. *Prosiding Indonesia-Malaysia 6th Conference*. Julai 2012.
- Johar, S. S. (2016). Kecenderungan bertingkah laku devian sehingga ke perlakuan jenayah: isu dan cabaran dalam psikologi sosial. *Prosiding Persidangan Psikologi dalam Perkhidmatan Awam*. Oktober 2016.
- Johar, S. S. (2017). *Eksplorasi psikologi dalam organisasi: sisi positif atau negatif?* Batu Pahat: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Johar, S. S., Sanif, S., Ani, F. & Md. Yusoff, R. (2018). The influence of emotional intelligence on the political behaviour of students. *The European Proceedings Of Social & Behavioural Sciences* (EPSBS), Future Academy, 3, 21.
- Teh, F. K. (2001). *Pengaruh kecerdasan emosi (eq) dan amalan keibubapaan ibu terhadap eq remaja*. Master Thesis: Universiti Putra Malaysia.
- The Oxford American Dictionary of Current English* (1999). Oxford: Oxford University Press.